

28 JUN 2002

P/RAYA KECIL PELUANG UNTUK TOLAK PAS, KATA MUHAMMAD

ALOR SETAR, 28 Jun (Bernama) -- Penyelaras pilihan raya kecil kerusi Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit Tan Sri Muhammad Muhamad Taib hari ini berkata, pilihan raya kecil kedua-dua kawasan itu merupakan masa paling sesuai untuk rakyat menyampaikan mesej bahawa mereka menolak PAS.

BN dan Umno, akan menyampaikan mesej mengenai kelebihannya di kedua-dua kawasan itu dalam membawa kemajuan kepada rakyat berbanding dengan PAS, katanya pada persidangan berita selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin Umno Kedah di ibu pejabat Umno negeri di Bangunan Tunku, di sini.

Pilihan raya kecil kedua-dua kawasan itu bakal diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya Datuk Fadzil Noor yang juga Presiden PAS, Ahad lalu.

Menjawab soalan lain, Muhammad berkata BN dan Umno tidak kisah sama ada pilihan raya kecil itu diadakan serentak atau berasingan kerana jentera pilihan rayanya sudah bersiap sedia.

Ditanya sama ada rancangan perletakan jawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kematian Fadzil memberi kesan kepada undi simpati para pengundi, beliau berkata ia sedikit sebanyak memberi kesan.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang hadir pada persidangan berita itu pula berkata BN negeri melancarkan "Ops Ambik Balik" pada pilihan raya kecil kedua-dua kawasan itu kerana mahu menawan semula kedua-dua kerusi miliknya itu yang dirampas oleh PAS pada pilihan raya umum 1999.

-- BERNAMA

JM PR